

1 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 11 June 1960 > Page 6 > SAMBUTAN HARI NEGARA S'PURA MENGECEHWAKAN

SAMBUTAN HARI NEGARA S'PURA MENGECEHWAKAN

Berita Harian, 11 June 1960, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL2819

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

SAMBUTAN HARI NEGARA S'PURA MENGECEHWAKAN Chorat Choret Radio

—DAMAK

3 JUNE ia-lah Hari Nasional Singapura. Damak sa-keluarga sudah siap menunggu di tepi peti radio hendak mendengar ulasan selari dari anak-buah Kak Wan dari Radio Singapura berkenaan Rapat 27,000 manusia di-Padang yang akan berpawai ka-Taman Kallang.

Hujan turun men-churah2. Kedengaran juruhebah mengumumkan Rapat dan Pawai Agong itu dibatalkan Damak sa-keluarga berasa hampa. Tetapi patut di-chatatkan di-sini untok menjadi bahan juru-ulas2

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
11 June 1960Reel Number:
NL2819

Share

Table of Contents

< Previous

Page 6

Next >

UMNO S'PURA AKAN MENERIMA NASIB YANG SAMA SAPERTI KESATUAN MELAYU?


UMNO S'PURA AKAN MENERIMA NASIB YANG SAMA SAPERTI KESATUAN MELAYU? Ini mungkin,

SAMBUTAN HARI NEGARA S'PURA MENGECEHWAKAN

SAMBUTAN HARI NEGARA S'PURA MENGECEHWAKAN Chorat Choret Radio —DAMAK v

Halaman 6 Yang Lain-lain
Page 1


View Full Table of Contents >




Radio Singapura pada Hari2 Nasional Singapura yang akan datang bahawa Hari Nasional Singapura yang pertama telah di-sambut dengan hujan lebat yang amat besar.

Meleset!

Kemudian, pada jam pukul 11.30 pagi Hari Nasional itu, kedengaran sandiwara-radio sa-tengah jam oleh Zain Mahmud, bernama "Hari Negara". ta' shak lagi, maksud-nya ia-lah untuk menyambut Hari Nasional Singapura yang pertama. Hasil-nya agak meleset!




Cherita "Hari Negara" membawa thema penderitaan suami-isteri yang berlainan keturunan-bangsa dan ugama. Mereka konon nya di-singkirkan oleh kedua2 pihak masharakat si-suami dan masharakat si-isteri. Yang membayangkan pula kedua2 masharakat itu tidak saling champor menchampori antara satu sama lain.



Konon-nya penderitaan dua orang makhluk Allah itu hilang bila masharakat si-suami menerima balek mereka berdua itu. Dan nampak-nya itu-lah huraian Zain Mahmud terhadap masa'alah perpaduan berbagai2 keturunan bangsa dalam negeri ini.

Penderitaan



Pada hal penderitaan yang di-derita oleh dua orang hamba Allah itu banyak juga di-derita oleh suami-isteri yang sa-keturunan bangsa dan sa-ugama. Dan penghuraian masa'alah mereka itu tidaklah menghuraikan masa'alah pembentokan satu rupa bangsa. Mungkin itu satu aspek, tetapi bukanlah satu aspek yang besar yang sasuai untuk di-jadikan bahan menyambut Hari Nasional. Dengan demikian cherita

itu tidak sa-suai di-namakan "Hari Negara."

Sabagai sa-buah cherita, chiptaan Zain Mahmud itu baik. Ada drama-nya. Renoh dengan seni-kata yang tersusun dengan chara yang menarek hati. Mutalib Rauf sabagai suami punya kebolehan. Bagitu juga Asmah Laili sabagai isteri. Chuma barangkali, tidak perlu Asmah menangis banyak2 untuk menunjukkan kesedehan yang sunggoh2. Di-sini barangkali Zain Mahmud dapat menolong dengan menyusun kata2 yang menyedehkan tanpa bantuan tangis, tetapi chukop dengan lenggang-lenggok dan alunan suara saja.


Lebeh jaya

5 June ia-lah Hari Raya Haji. Kedua2 station, Radio Malaya dan Radio Singapura, telah chuba membayangkan suasana yang datang menjelang tiap2 tahun itu. Kali ini nampak-nya Radio Singapura lebeh berjaya daripada Radio Malaya. Ini mungkin kerana Singapura bertembong dengan perayaan Hari Nasional. Walau bagaimana pun, kedewasaan Radio Malaya nampak terserlah.

Sandiwara-radio "Peristiwa Hari Korban" menginsafi banyak pendengar yang memahami Hari Raya Haji sa-bagai Hari Raya Korban. Ta' shak lagi, Aziz Zapin, yang ta' asing lagi kapada peminat2 sandiwara-radio, tahu menyesuaikan chiptaan-nya dengan masa dan musim.


Dalam pada itu, nampak-nya Aziz ta' dapat menjauhkan diri daripada menggeletek tempat yang menggellkan pendengar dengan sindiran-nya yang tajam. Misal-nya, Pak Haji dalam "Peristiwa Hari Korban" itu sangat2 menepati kata2 "tenaga kurang nafsu lebeh."

Berlainan



Sangat berlainan dengan “Sorak Sa-kampong” hidangan Radio Singapura kerana merayakan Hari Raya Haji Adha. Nyatalah rancangan ini hanya untuk memenohkan ruangan saja. Rancangan ini di-susun dan di-terbitkan oleh Zain Mahmud.

Dan dapat-lah kita menggambarkan kegelisahan saudara kita ini. Fikiran-nya baru saja habis dengan tema “Hari Negara,” maka ibarat knob peti radio yang di-putarkan ka-gelombang lain, begitu-lah pula pikiran-nya di-pusatkan pula kepada Hari Raya Korban.



Dan sabagai mana knob radio itu ta’ boleh dapat menangkap gelombang yang di-hajati, bagitu-lah pemikiran Zain Mahmud terkeluar langsung dari tema “korban” dalam rancangan “Sorak Sa-kampong.” ada ta’ ada yang berkorban, barangkali, ia-lah Ustadz Ahmad Tarmidzi, yang telah menyanyi lagu ta’ berlagu.

Related Articles



No related article found.

